

11/07/2004

Ku Li tidak hormati MT: Hishammuddin

By Johan Afandi

KLUANG: Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan tindakan Ketua Umno bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding jawatan Presiden dalam pemilihan September depan, sebagai tidak menghormati keputusan sebulat suara Majlis Tertinggi (MT).

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata MT sebelum ini, sudah sebulat suara bersetuju supaya tidak ada pertandingan untuk dua jawatan tertinggi dalam Umno itu.

"Semua ahli MT, termasuk Tengku Razaleigh sendiri bersetuju dengan keputusan itu, jadi saya tidak faham mengapa kelmarin, beliau boleh mengumumkan untuk bertanding jawatan Presiden," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Beliau sebelum itu, menghadiri majlis penutup Program Peningkatan Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan Felda Daerah Kluang anjuran Felda Wilayah Segamat dan Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

Hishammuddin berkata demikian ketika mengulas kenyataan terbuka Tengku Razaleigh kelmarin, yang menawarkan diri bertanding jawatan Presiden dalam pemilihan Umno September depan.

Katanya, beliau juga tidak dapat menerima alasan Tengku Razaleigh bertanding jawatan berkenaan disebabkan untuk menghidupkan kembali amalan demokrasi dalam Umno serta sokongan daripada akar umbi.

"Demokrasi diamalkan dalam Umno dan ia mengikut acuan dan kehendak parti, jika pertandingan boleh menyebabkan parti berpecah-belah, apa gunanya pertandingan itu.

"Selain itu, Tengku Razaleigh juga tidak seharusnya menggunakan alasan sokongan akar umbi untuk bertanding jawatan Presiden kerana kita tahu semua ahli Umno menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Hishammuddin berkata, sebagai pemimpin muda beliau ingin tahu rasional sebenarnya, Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden supaya ia tidak akan menjejaskan parti.

Ditanya mengenai pencalonan yang diterima Datuk Mukhriz Mahathir dan Datuk Azimi Daim untuk jawatan Naib Ketua Pemuda Umno, Hishammuddin berkata, pencalonan itu membuktikan bahawa Pergerakan Pemuda bahagian tidak terkongkong dengan keputusan yang dibuat mana-mana pihak.

"Pertandingan itu sihat dan kita tidak pernah menjangka dua calon ini akan mendapat pencalonan," katanya.

(END)